

# KANDUNGAN

Rekod Pentaksiran Murid  
Pendidikan Moral Tingkatan 1 v – ix

Nilai Universal Kurikulum Standard Pendidikan  
Moral Sekolah Menengah x

## ► BIDANG 1 PENGENALAN MORAL

<b>UNIT 1</b>	<b>Kenali Moral</b>	1
Nota Pintas		1
PBD Formatif	Info Cetus idea  	2
Aplikasi KBAT		7

<b>UNIT 2</b>	<b>Insan Bermoral Pilihan Hidup</b>	8
Nota Pintas		8
PBD Formatif	Info Cetus idea  	9
Aplikasi KBAT		14

<b>UNIT 3</b>	<b>Hidup Bermoral Pemangkin Kesejahteraan</b>	15
Nota Pintas		15
PBD Formatif	Info  	16
Aplikasi KBAT		21

## ► BIDANG 2 DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

<b>UNIT 4</b>	<b>Hidup Beragama atau Berkepercayaan Membawa Berkat</b>	22
Nota Pintas		22
PBD Formatif	Info Cetus idea  	23
Aplikasi KBAT		29

**UNIT 5**

## Serlahkan Potensi Diri

30

Nota Pintas		30
PBD Formatif	 	31
Aplikasi KBAT		36

**UNIT 6**

## Hubungan Mesra Keluarga Bahagia

37

Nota Pintas		37
PBD Formatif	Info Cetus idea   	38
Aplikasi KBAT		44

**UNIT 7**

## Bijaksana Memilih Sahabat

45

Nota Pintas		45
PBD Formatif	Info Cetus idea  	46
Aplikasi KBAT		53

## ► BIDANG 3 HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

**UNIT 8**

## Warga Prihatin Sekolah Sejahtera

54

Nota Pintas		54
PBD Formatif	Cetus idea   	55
Aplikasi KBAT		62

**UNIT  
9** Keselamatan Tempat Tinggal  
Tanggungjawab Bersama 63

Nota Pintas	63
PBD Formatif	64
Aplikasi KBAT	69

**UNIT  
10** Kemudahan Awam Dijaga  
Bersama 70

Nota Pintas	70
PBD Formatif	71
Aplikasi KBAT	77

**UNIT  
11** Masyarakat Prihatin Alam  
Terpelihara 78

Nota Pintas	78
PBD Formatif	79
Aplikasi KBAT	84

**UNIT  
12** Remaja Berhemah Harapan  
Negara 85

Nota Pintas	85
PBD Formatif	86
Aplikasi KBAT	92

► BIDANG 4 MORAL, PERATURAN DAN  
UNDANG-UNDANG

**UNIT  
13** Patuhi Etiket Keluarga Harmoni 93

Nota Pintas	93
PBD Formatif	94
Aplikasi KBAT	100

**UNIT  
14** Hindari Ketagihan Hidup  
Sejahtera 101

Nota Pintas	101
PBD Formatif	102
Aplikasi KBAT	107

**UNIT  
15** Patuhi Peraturan Sekolah 108

Nota Pintas	108
PBD Formatif	109
Aplikasi KBAT	115

**UNIT  
16** Kenali Hak Kanak-Kanak 116

Nota Pintas	116
PBD Formatif	117
Aplikasi KBAT	122

**UNIT  
17** Rasuah Musuh Negara 123

Nota Pintas	123
PBD Formatif	124
Aplikasi KBAT	128
Pentaksiran Akhir Tahun	129

Pentaksiran Pertengahan  
Tahun



<https://qr.pelangibooks.com/?u=PMoralT1PPT>



Jawapan

<https://qr.pelangibooks.com/?u=PMoralT1Jawapan>

# Rekod Pentaksiran Murid

## Pendidikan Moral

Tingkatan 1

Nama:

Tingkatan:

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
<b>BIDANG 1 : PENGENALAN MORAL</b>					
<b>1</b> KENALI MORAL	TP1	Menyatakan maksud moral	2		
	TP2	Menjelaskan perlakuan baik, benar dan patut	3		
	TP3	Menunjuk cara perlakuan baik, benar dan patut dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	4		
	TP4	Mendemonstrasikan perlakuan baik, benar dan patut dalam pelbagai situasi	5		
	TP5	Mengamalkan perlakuan baik, benar dan patut dalam kehidupan sehari-hari	6		
	TP6	Mengamalkan perlakuan baik, benar dan patut dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi	6		
<b>Tahap Penguasaan Unit 1</b>		TP 1	TP 2	TP 3	TP 4
		TP 5	TP 6		
<b>2</b> INSAN BERMORAL PILIHAN HIDUP	TP1	Menyatakan maksud insan bermoral	9		
	TP2	Menjelaskan kepentingan menjadi insan bermoral	10		
	TP3	Menunjuk cara perlakuan insan bermoral dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	11		
	TP4	Mendemonstrasikan perlakuan insan bermoral dalam pelbagai situasi	12		
	TP5	Mengamalkan perlakuan insan bermoral dalam kehidupan sehari-hari	13		
	TP6	Mengamalkan perlakuan insan bermoral dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi	13		
<b>Tahap Penguasaan Unit 2</b>		TP 1	TP 2	TP 3	TP 4
		TP 5	TP 6		
<b>3</b> HIDUP BERMORAL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN	TP1	Menyatakan kepentingan mempelajari moral	16		
	TP2	Menjelaskan perbezaan di antara cara hidup bermoral dan tidak bermoral	17		
	TP3	Menunjukkan cara hidup bermoral dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	18		
	TP4	Mempraktikkan cara hidup bermoral dalam pelbagai situasi	19		
	TP5	Mengamalkan perlakuan bermoral dalam kehidupan sehari-hari	20		
	TP6	Mengamalkan perlakuan bermoral dalam kehidupan secara tekal atau boleh dicontohi	20		
<b>Tahap Penguasaan Unit 3</b>		TP 1	TP 2	TP 3	TP 4
		TP 5	TP 6		

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN			
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI		
<b>BIDANG 2 : DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN</b>							
<b>4</b> <b>HIDUP BERAGAMA ATAU BERKEPERCAYAAN MEMBAWA BERKAT</b>	TP1	Menyatakan kepelbagaian agama atau kepercayaan	23				
	TP2	Menerangkan kepentingan hidup beragama atau berkepercayaan	25				
	TP3	Menunjukkan cara menghormati kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	26				
	TP4	Mendemonstrasikan cara menghormati kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan dalam pelbagai situasi	27				
	TP5	Mempraktikkan hidup beragama atau berkepercayaan dalam kehidupan seharian	28				
	TP6	Mempraktikkan hidup beragama atau berkepercayaan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	28				
<b>Tahap Penguasaan Unit 4</b>		TP 1 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 2 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 3 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 4 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 5 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 6 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>
<b>5</b> <b>SERLAHKAN POTENSI DIRI</b>	TP1	Menyatakan kekuatan dan kelemahan diri	31				
	TP2	Menerangkan cara memperbaiki kelemahan diri	32				
	TP3	Menunjukkan potensi diri dalam pelbagai bidang dengan bimbingan	33				
	TP4	Mendemonstrasikan potensi diri dalam pelbagai bidang mengikut situasi	34				
	TP5	Mempraktikkan potensi diri dalam kehidupan seharian	35				
	TP6	Mempraktikkan potensi diri dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	35				
<b>Tahap Penguasaan Unit 5</b>		TP 1 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 2 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 3 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 4 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 5 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 6 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>
<b>6</b> <b>HUBUNGAN MESRA KELUARGA BAHAGIA</b>	TP1	Menyatakan cara menyayangi anggota keluarga	38				
	TP2	Menerangkan kepentingan menyayangi anggota keluarga	39				
	TP3	Menunjukkan cara menyayangi anggota keluarga dengan bimbingan	40				
	TP4	Mendemonstrasikan cara mengeratkan hubungan kekeluargaan	41				
	TP5	Merangka aktiviti bagi mempraktikkan cara mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam kehidupan seharian	42				
	TP6	Mempraktikkan aktiviti untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	43				
<b>Tahap Penguasaan Unit 6</b>		TP 1 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 2 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 3 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 4 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 5 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 6 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>
<b>7</b> <b>BIJAKSANA MEMILIH SAHABAT</b>	TP1	Menyatakan ciri sahabat positif dan negatif	46				
	TP2	Menerangkan kepentingan kebaikan menjalin hubungan persahabatan	47				
	TP3	Menunjukkan kesan memilih sahabat yang positif dengan bimbingan	48				
	TP4	Mendemonstrasikan cara menjalin persahabatan tanpa mengabaikan hubungan kekeluargaan	49				
	TP5	Menjalankan hubungan persahabatan yang positif dalam kehidupan seharian	51				
	TP6	Menjalankan hubungan persahabatan yang positif dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	52				
<b>Tahap Penguasaan Unit 7</b>		TP 1 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 2 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 3 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 4 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 5 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>	TP 6 <span style="background-color: black; color: white; border-radius: 5px; padding: 2px 10px;"> </span>

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
<b>BIDANG 3 : HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT</b>					
<b>8</b> <b>WARGA PRIHATIN SEKOLAH SEJAHTERA</b>	TP1	Menyatakan ciri warga sekolah yang sejahtera	55		
	TP2	Menerangkan cara meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan warga sekolah	56		
	TP3	Memainkan peranan untuk meningkatkan kesejahteraan warga sekolah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	58		
	TP4	Mempraktikkan peranan untuk meningkatkan kesejahteraan warga sekolah dalam pelbagai situasi	59		
	TP5	Mengamalkan cara hidup yang sejahtera dalam kalangan warga sekolah	60		
	TP6	Mengamalkan cara hidup yang sejahtera dalam kalangan warga sekolah secara tekal atau boleh dicontohi	61		
<b>Tahap Penguasaan Unit 8</b>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>	TP 4 <input type="button" value=""/>
<b>9</b> <b>KESELAMATAN TEMPAT TINGGAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA</b>	TP1	Menyatakan contoh ancaman keselamatan di kawasan kediaman	64		
	TP2	Menghuraikan kepentingan mengekalkan keselamatan kawasan kediaman	65		
	TP3	Menunjuk cara mengekalkan keselamatan kawasan kediaman dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	66		
	TP4	Mendemonstrasikan cara mengekalkan keselamatan kawasan kediaman dalam pelbagai situasi	67		
	TP5	Mengambil bahagian dalam aktiviti menjaga keselamatan di kawasan kediaman	68		
	TP6	Mengambil bahagian dalam aktiviti menjaga keselamatan di kawasan kediaman secara tekal atau boleh dicontohi	68		
<b>Tahap Penguasaan Unit 9</b>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>	TP 4 <input type="button" value=""/>
<b>10</b> <b>KEMUDAHAN AWAM DIJAGA BERSAMA</b>	TP1	Menyatakan kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat	71		
	TP2	Menjelaskan kesan vandalisme	72		
	TP3	Menunjuk cara menjaga kemudahan awam dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	74		
	TP4	Mendemonstrasikan cara menjaga kemudahan awam dalam pelbagai situasi	75		
	TP5	Mengamalkan sikap menjaga kemudahan awam dalam kehidupan sehari-hari	76		
	TP6	Mengamalkan sikap menjaga kemudahan awam dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi	76		
<b>Tahap Penguasaan Unit 10</b>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>	TP 4 <input type="button" value=""/>

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
<b>11</b> MASYARAKAT PRIHATIN ALAM TERPELIHARA	TP1	Menyatakan cara menjaga alam sekitar	79		
	TP2	Menerangkan kesan menjaga alam sekitar	80		
	TP3	Menunjuk cara menjaga alam sekitar dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	81		
	TP4	Menunjuk cara menjaga alam sekitar dalam pelbagai situasi	82		
	TP5	Mengamalkan sikap proaktif dalam mengurus alam sekitar	83		
	TP6	Mengamalkan sikap proaktif dalam mengurus alam sekitar secara tekal atau boleh dicontohi	83		

**Tahap Penguasaan Unit 11**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

<b>12</b> REMAJA BERHEMAD HARAPAN NEGARA	TP1	Menyatakan ciri remaja berhemah	86		
	TP2	Menerangkan kepentingan menjadi remaja berhemah	87		
	TP3	Menunjuk cara perlakuan remaja berhemah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	88		
	TP4	Mendemonstrasi perlakuan berhemah dalam pelbagai situasi	89		
	TP5	Mengamalkan perlakuan berhemah untuk meningkatkan imej negara dalam kehidupan sehari-hari	90		
	TP6	Mengamalkan perlakuan berhemah dalam masyarakat secara tekal atau boleh dicontohi	91		

**Tahap Penguasaan Unit 12**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

BIDANG 4 : MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG					
<b>13</b> PATUHI ETIKET KELUARGA HARMONI	TP1	Menyatakan etiket di rumah	94		
	TP2	Menerangkan kepentingan etiket di rumah	95		
	TP3	Menunjuk cara etiket di rumah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	96		
	TP4	Mendemonstrasi etiket di rumah dalam pelbagai situasi	97		
	TP5	Mengamalkan etiket di rumah dalam kehidupan sehari-hari	98		
	TP6	Mengamalkan etiket di rumah dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi	99		

**Tahap Penguasaan Unit 13**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

<b>14</b> HINDARI KETAGIHAN HIDUP SEJAHTERA	TP1	Menyatakan perlakuan ketagihan yang membawa mudarat	102		
	TP2	Menjelaskan kesan ketagihan yang membawa mudarat	103		
	TP3	Menunjuk cara mengatasi ketagihan yang membawa mudarat dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	104		
	TP4	Mempraktikkan cara mengatasi ketagihan yang membawa mudarat dalam pelbagai situasi	105		
	TP5	Menghindari diri daripada terlibat dalam ketagihan yang membawa mudarat dalam kehidupan sehari-hari	106		
	TP6	Menghindari diri daripada terlibat dalam ketagihan yang membawa mudarat dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi	106		

**Tahap Penguasaan Unit 14**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
<b>15</b> <b>PATUHI PERATURAN SEKOLAH</b>	TP1	Menyatakan peraturan sekolah	109		
	TP2	Menjelaskan kepentingan mematuhi peraturan sekolah	111		
	TP3	Mendemonstriasi cara mematuhi peraturan sekolah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	112		
	TP4	Mempraktikkan cara mematuhi peraturan sekolah dalam pelbagai situasi	113		
	TP5	Mematuhi peraturan sekolah dalam kehidupan seharian	114		
	TP6	Mematuhi peraturan sekolah dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	114		
<b>Tahap Penguasaan Unit 15</b>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>	TP 4 <input type="button" value=""/>
<b>16</b> <b>KENALI HAK KANAK-KANAK</b>	TP1	Menyatakan hak asasi kanak-kanak	117		
	TP2	Menjelaskan kepentingan melindungi hak asasi kanak-kanak	118		
	TP3	Menunjuk cara melindungi hak asasi kanak-kanak dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	119		
	TP4	Mendemonstrasikan cara melindungi hak asasi kanak-kanak dalam pelbagai situasi	120		
	TP5	Mengambil tindakan supaya hak asasi kanak-kanak terpelihara dalam kehidupan seharian	121		
	TP6	Mengambil tindakan supaya hak asasi kanak-kanak terpelihara dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	121		
<b>Tahap Penguasaan Unit 16</b>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>	TP 4 <input type="button" value=""/>
<b>17</b> <b>RASUAH MUSUH NEGARA</b>	TP1	Menyatakan contoh perbuatan rasuah	124		
	TP2	Menjelaskan kesan rasuah	125		
	TP3	Mempraktikkan cara menghindari rasuah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	126		
	TP4	Mendemonstrasikan cara menghindari rasuah dalam pelbagai situasi	126		
	TP5	Menghindari rasuah dalam kehidupan seharian	127		
	TP6	Menghindari rasuah dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	127		
<b>Tahap Penguasaan Unit 17</b>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>	TP 4 <input type="button" value=""/>

# Kenali Moral

## KUASAI / Nota Pintas

### »» Nilai

- Rasional
- Baik hati
- Kebebasan
- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab

### »» Maksud Moral

1. Moral berasal daripada bahasa Latin, iaitu **mores**.
2. Perkataan **mores** membawa maksud tingkah laku yang baik, betul dan diterima, sejajar dengan kehendak agama, norma masyarakat, peraturan dan undang-undang.



### »» Contoh Tingkah Laku Bermoral

1. Menghormati orang tua dan guru.
2. Mentaati ibu bapa.
3. Saling membantu sesama jiran.
4. Menolong individu yang ditimpa kesusahan.
5. Bercakap dengan sopan.
6. Mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.
7. Mengucapkan salam kepada orang lain.



### »» Contoh Tingkah Laku Tidak Bermoral

1. Menipu.
2. Bergaduh dengan orang lain.
3. Memukul haiwan seperti kucing dan anjing.
4. Tidak mematuhi ajaran agama.
5. Melanggar undang-undang negara.
6. Tidak menghormati guru dan orang tua.
7. Membuang sampah di merata-rata tempat.

### »» Perlakuan Baik, Benar dan Patut

1. Individu yang bermoral perlulah berkelakuan baik, benar dan patut.
2. Terdapat perbezaan antara perlakuan baik, benar dan patut.

<b>Baik</b>	Tingkah laku yang diterima oleh masyarakat.
<b>Benar</b>	Tingkah laku yang betul berdasarkan fakta dan bukti yang sah.
<b>Patut</b>	Tingkah laku yang sesuai dibuat dan diterima oleh anggota masyarakat.


### »» Kepentingan Perlakuan Baik, Benar dan Patut

1. Baik – Hubungan dengan orang lain akan lebih mesra.
2. Benar – Mendapat kepercayaan dan keyakinan orang lain.
3. Patut – Membantu untuk membuat keputusan yang betul dan tepat.

SP 1.1.1 Menjelaskan maksud moral melalui contoh

1. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul tentang maksud moral. **TP1**

peraturan <i>mores</i>	norma tingkah laku	undang-undang agama
---------------------------	-----------------------	------------------------




2. Nyatakan **tiga** tingkah laku bermoral yang anda praktikan dalam kehidupan seharian. **KBAT** **Mengaplikasi**

- (a) Berbakti kepada ibu bapa
- (b) Mematuhi peraturan- peraturan sekolah
- (c) Membantu rakan-rakan yang menghadapi masalah  
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



SP 1.1.2 Membanding bezakan perlakuan baik, benar dan patut

3. Jelaskan perlakuan baik, benar dan patut. **TP 2**



(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. Nyatakan perlakuan baik, benar dan patut berdasarkan situasi di bawah. **TP 2**



<b>Baik</b>	Zulkifi melaporkan tindakan rakan sedarjah yang sedang menconteng meja kepada guru kelas.
-------------	---

<b>Benar</b>	Murid yang menconteng meja telah mengakui perbuatan dia.
--------------	--

<b>Patut</b>	Guru kelas mengenakan hukuman ke atas murid yang menconteng meja.
--------------	---

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

**SP 1.1.2**

- 5.** Berdasarkan situasi di bawah, terangkan tindakan yang wajar berdasarkan perlakuan baik, benar dan patut. Nyatakan kepentingan perlakuan tersebut. **TP 3 KBAT Menganalisis / Menilai**

Situasi	Tindakan	Kepentingan
(a) 	Memberi salam kepada jiran	Wujud hubungan yang mesra antara jiran tetangga
(b) 	Mengakui bahawa memecahkan pasu	Dipercayai dan diyakini oleh orang lain
(c) 	Melaporkan kesalahan rakan sedarjah kepada guru disiplin	Menjaga disiplin sekolah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

**AKTIVITI PAK-21**
**Fan and Pick**

**Tajuk:** Cara perlakuan baik, benar dan patut


**Langkah-langkah:**

1. Bahagikan kelas kepada empat orang dalam satu kumpulan.
2. Tulis empat situasi di bawah dalam empat kad yang berlainan.
  - Situasi 1: Anda tidak menyiapkan kerja sekolah.
  - Situasi 2: Anda ternampak rakan sedarjah merosakkan harta awam di taman permainan.
  - Situasi 3: Anda ternampak rakan sedarjah meniru dalam peperiksaan.
  - Situasi 4: Di dalam bas pengangkutan awam, anda terpandang orang tua tidak mendapatkan tempat duduk.
3. Setiap ahli kumpulan mempunyai peranan. Setiap peranan dimainkan secara bergilir-gilir.
  - Murid 1: Susun kad seperti kipas.
  - Murid 2: Pilih kad dan bacakan situasi.
  - Murid 3: Nyatakan cara perlakuan baik, benar dan patut berdasarkan situasi tersebut.
  - Murid 4: Berikan respons dan pujian kepada jawapan rakan.

SP 1.1.4 Menceritakan perasaan apabila berkelakuan baik, benar dan patut

6. Terangkan perlakuan baik, benar dan patut yang perlu ditunjukkan dalam situasi di bawah. Kemudian, nyatakan perasaan apabila berkelakuan demikian. **TP 4 (KBAT) Mengaplikasi**

(a)



Perlakuan:

Membantu dengan memimpin tangan orang tua itu untuk melintas jalan

Perasaan:

Gembira / puas hati

(b)



Perlakuan:

Memberikan rawatan bantu mula atau membersihkan luka yang dialami

Perasaan:

Gembira / puas hati

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

**7.** Berdasarkan situasi yang diberi,uraikan contoh tingkah laku baik, benar dan patut. **TP 5 TP 6**

- (a) Rakan anda mengajak anda menaiki kereta kabel tetapi anda mengalami masalah gayat, iaitu berasa takut apabila berada di kawasan yang tinggi.

Baik	Tindakan rakan mengajak saya menaiki kereta kabel merupakan perbuatan yang baik.
Benar	Saya perlu bercakap benar bahawa saya mengalami masalah gayat.
Patut	Tindakan saya menolak ajakan rakan secara sopan adalah patut kerana saya mengalami masalah gayat.

- (b) Anda ternampak kawan baik anda sedang menyalin jawapan daripada nota yang dibawanya semasa peperiksaan. Anda melaporkan perbuatannya kepada guru dan dia telah dikenakan hukuman atas perbuatannya.

Baik	Tindakan saya melaporkan perbuatan kawan baik saya yang meniru dalam peperiksaan merupakan perbuatan yang baik.
Benar	Rakan saya perlu bercakap benar dengan mengakui kesalahan yang dilakukannya, iaitu meniru dalam peperiksaan.
Patut	Tindakan guru mengenakan hukuman kepada rakan saya adalah patut selepas kesalahannya dibuktikan supaya rakan saya tidak mengulangi kesalahan itu lagi.

- (c) Pihak sekolah akan mengadakan aktiviti gotong-royong. Rakan anda tidak dapat menyertainya kerana dia tidak sihat. Dia meminta anda memberitahu guru tentang ketidakhadirannya.

Baik	Tindakan saya memberitahu guru tentang sebab rakan saya tidak dapat menyertai aktiviti gotong-royong merupakan perbuatan yang baik.
Benar	Rakan saya perlu bercakap benar dengan memberitahu sebab dia tidak dapat menyertai aktiviti gotong-royong tersebut.
Patut	Tindakan rakan saya tidak menyertai aktiviti gotong-royong adalah patut kerana dia perlu mendapatkan rehat yang secukupnya.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

# APLIKASI KBAT

**IDEA >>>** Tingkah laku baik dan betul

Mengikut peraturan

1. Gambar di bawah menunjukkan suasana di kantin sekolah.

Berikan **lima** contoh tingkah laku bermoral dan **lima** contoh tingkah laku tidak bermoral yang mungkin dapat anda lihat di kantin sekolah. **KBAT** Menilai



## Tingkah laku bermoral di kantin

- Beratur semasa membeli makanan
- Meletakkan pinggan mangkuk yang digunakan ke dalam besen yang disediakan
- Duduk di tempat yang disediakan
- Membuang sampah ke dalam tong sampah
- Menutup paip air selepas mencuci tangan

## Tingkah laku tidak bermoral di kantin

- Berebut-rebut semasa membeli makanan
- Berbuat bising seperti menjerit-jerit
- Membazir makanan dan minuman
- Duduk secara tidak sopan
- Meninggalkan pinggan mangkuk yang digunakan di atas meja

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Unit 1

# Keselamatan Tempat Tinggal Tanggungjawab Bersama

## KUASAI / Nota Pintas

### »» Nilai

- Berdikari
- Toleransi
- Kerjasama
- Kejujuran
- Keberanian
- Bertanggungjawab

### (b) Jiran

- Membantu mengawasi keselamatan rumah jiran
- (c) Komuniti
  - Mengambil bahagian dalam aktiviti Rukun Tetangga

4. Sebagai remaja, anda juga berperanan untuk membantu mengekalkan keselamatan kawasan kediaman daripada ancaman jenayah.

### »» Ancaman Keselamatan di Kawasan Kediaman



### Peranan remaja dalam mengekalkan keselamatan kawasan kediaman


- Sentiasa memastikan pagar dan pintu rumah dikunci.
- Sentiasa berhati-hati dan peka terhadap keadaan persekitaran.
- Melaporkan perkara yang mencurigakan kepada ibu bapa atau jiran.
- Saling menghormati dan bertegur sapa sesama jiran.
- Membantu ibu bapa membersihkan kawasan semak samun supaya tidak menjadi tempat persembunyian penjenayah.
- Mengelakkan diri daripada mempercayai kata-kata orang yang tidak dikenali.

### »» Langkah Mengekalkan Keselamatan Kawasan Kediaman

1. Terdapat beberapa pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan di kawasan kediaman, iaitu:
  - (a) jiran
  - (b) pengawal keselamatan
  - (c) Skim Rondaan Sukarela (SRS)
  - (d) Rukun Tetangga (RT)
  - (e) penduduk sendiri
2. Semua pihak haruslah bekerjasama bagi menjaga keselamatan diri, keluarga dan kawasan kediaman.
3. Antara peranan pelbagai pihak bagi mengekalkan keselamatan kawasan kediaman:
  - (a) Diri sendiri
    - Memastikan pintu rumah sentiasa dikunci

### »» Kepentingan Mengekalkan Keselamatan Kawasan Kediaman

1. Mengurangkan gejala sosial.
2. Menjamin keselamatan penduduk.
3. Dapat hidup dengan sejahtera dan bahagia.
4. Menimbulkan perasaan gembira, tenang dan tidak bimbang.
5. Memelihara keselamatan benda harta dan kawasan kediaman.



SP 3.2.1 Mengenal pasti ancaman keselamatan kawasan kediaman

- Nyatakan ancaman-ancaman yang boleh menggugat keselamatan di kawasan kediaman berdasarkan gambar di bawah. **TP 1**



Penculikan



Rogol



Ragut



Peras ugut



Rompakan



Pergaduhan



SP 3.2.2 Menguraikan kepentingan mengekalkan keselamatan kawasan kediaman

2. Huraikan kepentingan mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman. **TP 2**

i-THINK Peta Buih



**Nota**  
Kepentingan Mengekalkan  
Keselamatan Kawasan Kediaman




(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

SP 3.2.3 Mencadangkan langkah-langkah untuk mengekalkan keselamatan kawasan kediaman

SP 3.2.4 Melahirkan perasaan apabila keselamatan kawasan kediaman terjamin

3. Jelaskan langkah-langkah untuk mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman daripada ancaman jenayah. **TP 3**



(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



**Nota**  
Peranan Murid dalam Mengekalkan Keselamatan Kawasan Kediaman

4. Jelaskan perasaan anda apabila keselamatan di kawasan kediaman anda terjamin.

- Rasa selamat
- Tenang dan tidak bimbang
- Keselamatan diri dan keluarga terjamin

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



**5.** Sebagai jiran, nyatakan tindakan anda apabila berhadapan dengan situasi yang diberi. **TP 4 KBAT Mengaplikasi**

- (a) Sekumpulan ah long mengugut dan bertindak ganas terhadap jiran anda supaya membayar wang yang dipinjam oleh jiran anda dengan segera.

Tindakan:

Saya akan membuat laporan polis tentang ugutan dan tindakan ganas yang dilakukan oleh ah long.

- (b) Jiran anda pulang ke kampung semasa musim perayaan. Terdapat dua orang lelaki bertindak memecah rumah jiran anda untuk mencuri.

Tindakan:

Saya akan memberitahu ibu bapa saya dan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis dengan segera.

- (c) Sewaktu dalam perjalanan ke taman permainan, anda mendapati dua orang perempuan bertindak menculik anak jiran anda dengan kereta.

Tindakan:

Saya akan mencatatkan nombor plat kenderaan itu dan memberitahu jiran-jiran lain agar dapat bekerjasama bagi menyelamatkan anak jiran saya.

- (d) Semasa pulang dari sekolah, anda ternampak seorang lelaki sedang meragut beg tangan jiran anda di hadapan pintu pagar rumahnya.

Tindakan:

Saya akan menjerit untuk mendapatkan pertolongan daripada jiran-jiran lain bagi menangkap peragut itu.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



**AKTIVITI PAK-21**

**Think-Pair-Share**

**Tajuk:** Rukun Tetangga

**Langkah-langkah:**

- Guru meminta murid-murid mencari maklumat berkaitan dengan program Rukun Tetangga.
  - Tokoh yang melancarkan Rukun Tetangga
  - Tarikh Rukun Tetangga dilancarkan
  - Moto Rukun Tetangga
  - Konsep Rukun Tetangga pada tahun 1975, 1984, 2001 dan 2010
  - Objektif penubuhan Rukun Tetangga
  - Aktiviti dan program yang dijalankan serta kepentingannya
- Murid-murid diberikan masa untuk berfikir dan mencari jawapan tentang topik yang diberikan.
- Setiap murid akan menulis jawapan di atas sehelia kertas.
- Guru mengarahkan murid-murid memilih pasangan masing-masing dan meminta mereka membandingkan dan berbincang tentang jawapan dengan pasangan masing-masing.
- Kemudian, murid-murid berkongsi jawapan dan maklumat mereka dengan rakan-rakan lain di dalam kelas.



Rukun  
Tetangga

**6.** Tandakan (✓) pada “**ADA**” atau “**TIADA**” berdasarkan pengalaman anda. **TP 5** **TP 6** **KBAT** **Mengaplikasi / Menilai**

<b>PERKARA</b>	<b>ADA</b>	<b>TIADA</b>
(a) Saya melaporkan kes rompakan, kecurian, pecah rumah dan sebagainya kepada pihak polis.		
(b) Saya menyertai pasukan rukun tetangga untuk menjalankan rondaan di tempat kediaman.		
(c) Saya membantu jiran untuk mengawasi dan menjaga rumah ketika mereka tiada.		
(d) Saya menelefon pihak bomba dengan segera jika mendapati kebakaran berlaku.		
(e) Saya mengambil bahagian dalam RELA bagi menjamin keselamatan setempat.		
(f) Saya bersikap proaktif untuk berkenalan dan menjalin hubungan baik dengan jiran.		
(g) Saya menjalankan aktiviti gotong-royong bersama-sama jiran untuk mencegah ancaman banjir.		
(h) Saya menziarahi jiran untuk mengeratkan ikatan kejiraninan di kawasan perumahan.		
(i) Saya menyertai kempen kesedaran untuk menangani kes jenayah yang dianjurkan oleh rukun tetangga.		
(j) Saya melaporkan kerosakan kemudahan awam yang mengugat keselamatan pengguna kepada pihak berkuasa.		

Berdasarkan pengalaman anda, adakah anda seorang yang aktif dalam aktiviti menjaga keselamatan di kawasan kediaman anda? Berikan alasan anda.

**Ya. Saya merupakan seorang penduduk yang aktif dalam aktiviti menjaga keselamatan di kawasan kediaman.**

**(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)**

# APLIKASI KBAT

Keratan akhbar di bawah menunjukkan ancaman jenayah yang mengancam keselamatan di kawasan kediaman.



**IDEA >>>** Penghuni tiada di rumah | Kecuaian penghuni

1. Bilakah kes pecah rumah sering berlaku? **KBAT** Menilai

- Semasa penghuni tidak berada di rumah
- Terdapat kecuaian penghuni dalam menjaga keselamatan rumah

**IDEA >>>** Kecuaian | Kurang ciri keselamatan

2. Apakah punca yang menyebabkan berlakunya kes pecah rumah? **KBAT** Menilai / Menganalisis

- Memberitahu pengguna lain di media sosial bahawa diri tidak akan berada di rumah selama beberapa hari
- Meninggalkan kawasan rumah dalam keadaan gelap-gelita
- Kurang ciri keselamatan di kawasan rumah

**IDEA >>>** Memasang sistem penggera rumah | Pintu keselamatan

3. Cadangkan beberapa langkah bagi mengatasi kes pecah rumah. **KBAT** Mengaplikasi

- Mengunci semua pintu dan tingkap semasa meninggalkan rumah
- Memaklumkan kepada jiran sekiranya meninggalkan rumah atau bercuti
- Tidak meninggalkan sebarang tanda yang menunjukkan penghuni tidak berada di rumah
- Menyalakan lampu sekiranya meninggalkan rumah pada waktu malam

4. Nyatakan pihak yang bertanggungjawab untuk meningkatkan keselamatan di kawasan kediaman.

**KBAT** Menganalisis

- Pengawal keselamatan
- Skim Rondaan Sukarela (SRS)

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



# Rasuah Musuh Negara


## KUASAI / Nota Pintas

### »» Nilai

- Rasional
- Kejujuran
- Harga diri
- Keberanian
- Patriotisme
- Bertanggungjawab
- Kepercayaan kepada Tuhan

### »» Bentuk dan Kesalahan Rasuah

1. Rasuah bermaksud penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan kepada seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.
2. Menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, istilah rasuah disebut sebagai suapan.



3. Kesalahan utama berkaitan dengan rasuah menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ialah:
  - (a) Meminta dan menerima rasuah
  - (b) Menawarkan dan memberikan rasuah
  - (c) Mengemukakan tuntutan palsu
  - (d) Menyalahgunakan kedudukan

### »» Kesan Rasuah

1. Individu
  - (a) Kehilangan pekerjaan.
  - (b) Didenda dan dipenjarakan.
  - (c) Imej diri tercalar.

### 2. Keluarga

- (a) Maruah keluarga tercemar.
- (b) Hilang sumber pendapatan keluarga.
- (c) Dipandang rendah oleh masyarakat.

### 3. Masyarakat

- (a) Hilang kepercayaan dalam kalangan masyarakat.
- (b) Harga barang dan perkhidmatan meningkat.

### 4. Negara

- (a) Pentadbiran negara terjejas.
- (b) Keselamatan dan kesejahteraan negara terancam.
- (c) Ekonomi negara merosot.
- (d) Imej negara terjejas.
- (e) Pelabur hilang keyakinan.

### »» Cara Membanteras Rasuah

#### 1. Individu

- (a) Berpegang teguh kepada ajaran agama.
- (b) Menanam sikap membenci rasuah.

#### 2. Masyarakat

- (a) Membuat laporan kepada pihak berkuasa tentang kegiatan rasuah.
- (b) Tidak terlibat dalam kes rasuah.
- (c) Sentiasa mematuhi undang-undang negara.

#### 3. Kerajaan

- (a) Menguatkuaskan undang-undang rasuah.
- (b) Mendakwa pesalah rasuah tanpa mengira kedudukan.
- (c) Mengenakan hukuman atau denda yang lebih berat dan penjara.
- (d) Mengadakan kempen kesedaran melalui media massa.
- (e) Memasukkan elemen membenci rasuah dalam mata pelajaran di sekolah.



SP 4.5.1 Menjelaskan maksud rasuah

1. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul tentang maksud rasuah.



dorongan

penerimaan

tugas rasmi

suapan

perbuatan

Rasuah bermaksud \_\_\_\_\_ **penerimaan** atau pemberian \_\_\_\_\_ **suapan** sebagai upah atau \_\_\_\_\_ **dorongan** kepada seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu **perbuatan** yang berkaitan dengan \_\_\_\_\_ **tugas rasmi** \_\_\_\_\_.

SP 4.5.2 Menjelaskan dengan contoh perbuatan rasuah

2. Nyatakan kesalahan utama rasuah berdasarkan situasi yang diberi. **TP1** **Nilai Teras Sivik** **Bertanggungjawab**

Perbuatan rasuah	Kesalahan
(a) Seorang pemandu lori memberikan duit kopitiam kepada anggota polis trafik untuk mengelak daripada mendapat kompaun selepas melakukan kesalahan trafik.	Menawarkan dan memberikan rasuah
(b) Seorang pengurus cawangan bank meminta wang suapan daripada seorang pemaju sebagai dorongan memastikan wang pinjaman dapat diluluskan	Meminta dan menerima rasuah
(c) Seorang pengarah kolej memberi anak saudaranya jawatan pensyarah secara terus, tanpa melalui sesi temu duga	Menyalahgunakan kedudukan
(d) Seorang pemandu membuat tuntutan palsu kepada syarikat insurans selepas kemalangan, tetapi pada masa itu bukan dia yang sedang memandu kenderaan tersebut.	Megemukakan tuntutan palsu

SP 4.5.3 Menguraikan kesan perbuatan rasuah

3. Jelaskan **tiga** kesan perbuatan rasuah kepada pihak berikut. **TP 2** **Nilai Teras Sivik** **Bertanggungjawab****i-THINK Peta Dakap**

**Kesan  
perbuatan  
rasuah**

## (a) Individu

(i) Kehilangan pekerjaan(ii) Didenda dan dipenjarakan(iii) Imej diri terjelas

## (b) Keluarga

(i) Maruah keluarga tercemar(ii) Dipandang serong oleh anggota masyarakat(iii) Kehilangan tempat bergantung

## (c) Masyarakat

(i) Menyebabkan ketidakadilan kerana mengetepikan hak-hak orang tertentu(ii) Hilang kepercayaan dalam kalangan masyarakat(iii) Harga barang dan perkhidmatan naik

## (d) Negara

(i) Sistem pentadbiran terjejas(ii) Keselamatan dan kesejahteraan rakyat terancam(iii) Hilang kepercayaan pelabur asing

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

**eP+** Praktis Ekstra  
Unit 17A

**SP 4.5.4** Menyarankan cara untuk membanteras rasuah demi kesejahteraan masyarakat

**SP 4.5.5** Melahirkan rasa benci terhadap perbuatan rasuah demi keharmonian hidup

4. Jelaskan cara menghindari rasuah yang boleh dilakukan oleh pihak berikut. **TP 3** **TP 4**

**Nilai Teras Sivik**

Bertanggungjawab

**Nilai Teras Sivik**

Hormat-menghormati

<b>Pihak</b>	<b>Cara menghindari rasuah</b>
(a) Individu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Menanamkan sikap membenci rasuah</u></li> <li>• <u>Mempunyai pegangan agama dan jati diri</u></li> <li>• <u>Mengamalkan nilai kejujuran dalam kehidupan</u></li> </ul>
(b) Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Melaporkan kegiatan rasuah kepada pihak berkuasa</u></li> <li>• <u>Tidak menggalakkan amalan menyogok untuk memperoleh sesuatu</u></li> <li>• <u>Sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan</u></li> </ul>
(c) Negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Menguatkuasakan undang-undang secara tegas</u></li> <li>• <u>Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan menjauhi rasuah</u></li> <li>• <u>Melantik pegawai khas untuk menyelia jabatan yang mempunyai risiko yang tinggi dalam pengamalan rasuah</u></li> </ul>

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



**Praktis Ekstra**  
Unit 17B

5. Mengapa setiap agama melarang perbuatan rasuah?

• Mendatangkan kesan buruk kepada diri, keluarga dan masyarakat

• Merupakan kesalahan yang bertentangan dengan agama, moral dan undang-undang

• Merupakan perbuatan dosa yang dimurka Tuhan

• Meruntuhkan sesebuah negara dan memusnahkan bangsa

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



SP 4.5.6 Menghindari perbuatan rasuah dalam kehidupan

6. Berdasarkan situasi di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya. **TP 5 TP 6**

Lawrence merupakan seorang pengawas sekolah yang ditugaskan di sebuah blok bangunan. Semasa sedang meronda, dia ternampak rakan baiknya, Andrew sedang merokok. Lawrence berjumpa dengan Andrew dan menegur perbuatannya. Andrew berjanji untuk memberikan hadiah yang menarik kepada Lawrence dengan syarat Lawrence tidak boleh melaporkan perbuatannya kepada guru disiplin.

(a) Jika anda ialah Lawrence, jelaskan **dua** tindakan yang perlu anda lakukan.(i) Menolak tawaran Andrew kerana hal itu merupakan salah satu kesalahan rasuah(ii) Melaporkan perbuatan Andrew kerana dia melanggar peraturan sekolah

(b) Berdasarkan situasi yang diberikan, nyatakan kesalahan rasuah yang dilakukan oleh Andrew.

Kesalahan menawarkan dan memberikan rasuah(c) Ramalkan **tiga** kesan terhadap Andrew jika perbuatannya diketahui oleh guru disiplin.(i) Dikenakan hukuman oleh pihak sekolah(ii) Dikenakan sesi kaunseling(iii) Imej diri terjejas

(d) Jika Lawrence bersetuju dengan tawaran Andrew, apakah kesan perbuatan tersebut terhadap dirinya?

• Didenda oleh guru• Digantung sekolah• Dipecat jawatan• Menjejaskan reputasi diri sebagai pengawas sekolah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Info

Fungi Suruhanjaya  
Pencegahan Rasuah  
Malaysia

Pendidikan Sivik

SP 4.5.6

# APLIKASI KBAT

Berdasarkan pernyataan di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jai merupakan seorang penjawat awam. Semasa menjalankan tugas, dia telah menerima wang berjumlah RM40 000 untuk meluluskan tender yang ingin diperoleh sebuah syarikat. Selain itu, Jai juga didapati memberikan suapan sebanyak RM7 500 kepada pembuat keputusan untuk menaikkan pangkatnya.

**IDEA>>>** Menerima dan memberi rasuah

1. Apakah jenis kesalahan rasuah yang dilakukan oleh Jai? **KBAT** Menganalisis

- Kesalahan meminta dan menerima rasuah - Jai menerima wang suapan daripada sebuah syarikat semasa menjalankan tugas sebagai penjawat awam
- Kesalahan menawarkan dan memberikan rasuah - Jai memberikan suapan sebanyak RM7 500 kepada pembuat keputusan untuk mendapat peluang kenaikan pangkat

**IDEA>>>** Diri | Keluarga

2. Berdasarkan situasi di atas, nyatakan **tiga** kesan rasuah. **KBAT** Menganalisis

- Nama baik diri dan keluarga tercemar
- Dipandang rendah oleh masyarakat
- Dikenakan hukuman penjara dan denda

**IDEA>>>** Tamak | Kelemahan

3. Mengapa terdapat sesetengah individu yang sanggup memberikan dan menerima rasuah? **KBAT** Menilai

- Sikap tamak
- Ingin memperoleh kesenangan hidup tanpa bekerja keras
- Kurang didikan agama dan moral

**IDEA>>>** Nilai moral | Undang-undang

4. Apakah langkah-langkah yang dapat diambil untuk menghindari perbuatan rasuah dalam kalangan masyarakat? **KBAT** Mencipta

- Ibu bapa menerapkan didikan agama dan nilai-nilai moral dalam diri anak-anak
- Menerapkan konsep keagamaan dalam sektor pendidikan
- Menguatkuasakan undang-undang secara tegas
- Mengadakan kempen kesedaran tentang bahaya rasuah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



# PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Masa: Dua jam

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**.

## Bahagian A [20 markah]

1. Mores bermaksud \_\_\_\_\_ yang baik, betul dan diterima, sejajar dengan kehendak agama, norma masyarakat, peraturan dan undang-undang.  
**A** layanan  
**B** tingkah laku  
**C** ilmu  
**D** panduan
2. Sebagai seorang yang mempunyai ciri insan bermoral, kita hendaklah  
I bersikap adil  
II berbudi pekerti  
III berperikemanusiaan  
IV bertindak melanggar undang-undang  
**A** I, II dan III  
**B** I, II dan IV  
**C** I, III dan IV  
**D** II, III dan IV
3. Contoh perbuatan yang tidak bermoral ialah  
**A** suka membantu  
**B** menepati masa  
**C** bijak dalam menangani stres  
**D** rajin menemani rakan mencuri
4. Berikut adalah kepentingan mempelajari Moral **kecuali**  
**A** menjadi insan yang berakhhlak mulia  
**B** mengelakkan integriti  
**C** membentuk masyarakat bersatu padu  
**D** mengatasi isu-isu sejagat demi kesejahteraan bersama
5. Teliti maklumat di bawah.

Nama: Manjet Singh  
Tempat Ibadat: Gurdwara  
Perayaan: Vaisakhi  
Agama: X

Apakah X?

**A** Kristian                   **C** Nyenang  
**B** Hindu                      **D** Sikh
6. Bagaimanakah orang yang kreatif mengembangkan potensi?  
**A** Mencari idea baharu daripada pelbagai sumber seperti bahan bacaan dan Internet  
**B** Bertanya keluarga atau rakan-rakan tentang potensi diri sendiri  
**C** Berimajinasi seorang diri di dalam bilik  
**D** Melihat potensi diri rakan-rakan
7. Semasa perjalanan pulang dari tempat kerja, ayah anda terlibat dengan kemalangan jalan raya. Ayah anda telah dimasukkan ke dalam wad hospital. Apakah yang patut anda lakukan?  
**A** Membiarakan ibu menjaga ayah dan adik-adik  
**B** Mengelak daripada menjaga ayah di hospital  
**C** Berdoa sahaja dari rumah  
**D** Menemani ayah ketika cuti sekolah
8. "Sahabat boleh dicari. Keluarga tidak boleh diganti"  
Pilih pernyataan yang **tidak benar** berkaitan dengan kata-kata di atas.  
**A** Meluangkan masa yang lebih untuk sahabat daripada keluarga  
**B** Menjaga perasaan keluarga dan menerima nasihat yang diberikan  
**C** Mengutamakan keluarga daripada sahabat apabila perlu membuat pilihan  
**D** Tidak bertindak keterlaluan demi memenuhi kehendak sahabat sehingga mengabaikan kepentingan diri dan keluarga
9. Bagaimanakah mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan warga sekolah?  
**A** Tidak peduli dengan kebersihan sekolah  
**B** Saling membantu dalam mengindahkan persekitaran sekolah  
**C** Membiarakan sekolah dalam keadaan yang tidak cantik  
**D** Menjalinkan kerjasama yang erat sesama warga murid sekolah sahaja



20. Pilih jawapan yang **tidak benar** tentang contoh perbuatan rasuah.

- A Seorang pembekal menghantar 80 buah komputer ke sebuah sekolah, tetapi menuntut bayaran bagi 100 buah komputer
- B Seorang kerani menerima komisen daripada pembekal bagi setiap barang yang dibelinya untuk syarikat

- C Seorang pengusaha gerai menawarkan makanan percuma selama sebulan kepada seorang pelanggannya agar tidak membuat aduan kepada pihak berkuasa mengenai tahap kebersihan gerainya
- D Seorang majikan menganugerahkan pingat kecemerlangan kepada pekerjanya yang telah menaikkan imej syarikat.


### Bahagian B [20 markah]

1. Baca dan fahami situasi di bawah. Tandakan (✓) pada tingkah laku baik, benar atau patut.

Situasi	Tingkah laku		
	Baik	Benar	Patut
(a) Pravin Raj membantu guru membawa beg laptop ke kelas.	✓		
(b) Hooi San meminta maaf kepada rakan karibnya, Sharvin kerana terlupa memulangkan bukunya.		✓	
(c) Shamsul dikenakan hukuman rotan kerana merokok di dalam kawasan sekolah.			✓
(d) Siti Zulaika mencium tangan ibu bapanya sebelum pergi ke sekolah.	✓		
(e) Sekumpulan murid yang telah ponteng kelas telah mengaku bersalah di hadapan guru disiplin.		✓	

[5 markah]

2. Etiket di rumah perlu diamalkan oleh anggota keluarga bagi menjaga keharmonian dalam institusi kekeluargaan. Suaikan pada jawapan yang betul.



[5 markah]

6. Berdasarkan situasi di bawah, jawab soalan-soalan yang diberi.

Adam terlihat Steven menghisap vape ketika waktu rehat. Setelah waktu rehat tamat, Steven telah berjumpa dengan Adam dan berjanji untuk memberikannya hadiah jika Adam merahsiakan perbuatan tersebut daripada pengetahuan guru.

- (a) Andaikan anda Adam, apakah yang perlu anda lakukan?

Tidak menghiraukan tawaran Steven. Tidak mengambil rasuah. Menasihat Steven supaya mengakui kesalahan dan tidak mengulangi perbuatan tersebut.

[2 markah]

- (b) Patutkah Steven memberikan hadiah jika Adam merahsiakan perbuatannya? Mengapa?

Tidak patut. Perbuatan merasuah boleh merosakkan negara. Menjaga maruah diri. Jika tidak Adam akan melakukan kesalahan berulang kali. Imej sekolah akan tercemar.

[3 markah]

- (c) Jelaskan implikasi yang akan diterima oleh Steven jika guru mengetahui perbuatannya itu.

Steven akan dihukum. Digantung sekolah. Masa depannya akan gelap. Imejnya akan tercemar.

Steven malu untuk berhadapan dengan kawan-kawan dan guru.

[3 markah]

- (d) Sebagai murid, bagaimanakah anda membantu rakan sekelas menjauhi gejala rasuah?

Menasihati rakan-rakan supaya tidak mengambil rasuah

Menceritakan kesan buruk rasuah

Menyemai pegangan agama dan jati diri

Menanamkan sifat membenci rasuah

[2 markah]